


# malaysia

PERTABALAN  
D.Y.M.M. TUANKU JA'AFAR



NEGERI SEMBILAN

*Setem Pos Kenangan*



Setem2 Pos Kenang2-an berharga 15 sen dan 50 sen akan di-keluarkan pada 8hb. April, 1968 bagi memperingati hari Pertabalan D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Butir2 berkenaan dengan setem2 itu ia-lah seperti berikut:—

**Ukuran:**

Berbentuk bujur sangkar dengan ukoran-nya dari lubang ka-lubang — 50 setem tiap2 sa-keping kertas besar:—

Melintang — 35 m.m.  
Tegak — 25 m.m.

**Proses Penchetak:**

Photogravure.

**Reka-bentuk:**

Reka-bentuk menggambar-kan wajah D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar dan lambang Kerajaan Negeri Sembilan.

**Warna:**

15 sen — Wajah Duli Yang Maha Mulia dan lambang Kerajaan berwarna penoh, latar belakang warna biru.

50 sen — Wajah Duli Yang Maha Mulia dan lambang Kerajaan berwarna penoh, latar belakang warna kuning.

**Kertas:**

Kertas yang tidak bertikas ayer.

**Di-chetak oleh:**

Penchetak Kerajaan Negeri Jepun.

**Pelukis:**

Zakariah Noor, F.R.S.A.

**Tempoh Jualan:**

Setem2 ini akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-wilayah Malaysia selama satu hari sahaja pada 8hb. April, 1968 dan di-semua pejabat2 pos di-Negeri Sembilan, Pejabat Setem Pos, Rumah Persekutuan, Kuala Lumpur, Pejabat Besar Pos Pulau Pinang, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching selama tiga bulan mulai daripada tarikh pengeluaran-nya atau sahingga setok habis, yang mana terdahulu.

## **RIWAYAT HIDUP DULI YANG MAHA MULIA YANG DI-PERTUAN BESAR, NEGERI SEMBILAN.**

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman telah di-puterakan di-Klang, Selangor pada 19hb. Julai, 1922. Baginda telah mulai bersekolah di-Sekolah Melayu Sri Menanti, Kuala Pilah dari tahun 1928 hingga tahun 1933. Kemudian-nya, Baginda telah melanjutkan pelajaran dalam bahasa Inggeris di-Maktab Melayu, Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1933 hingga tahun 1941. Sa-telah tamat persekolahan di-Maktab Melayu itu, Baginda telah meneruskan pelajaran-nya di-Raffles Kolej, Singapura, tetapi pelajaran Baginda telah terganggu akibat peperangan dunia yang kedua.

Dalam masa pemerentahan Jepun, Baginda telah berkhidmat sabagai sa-orang Pegawai di-Pejabat Tanah, Seremban. Sa-lepas perang, Baginda telah bertugas sabagai Penolong Pegawai Daerah, Rembau, Negeri Sembilan dari tahun 1946 hingga tahun 1947. Sa-tahun kemudian-nya Baginda telah bertukar ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Selangor. Satelah berkhidmat selama beberapa bulan sahaja di-Pejabat tersebut, Baginda telah melanjutkan pelajaran-nya ka-Nottingham Universiti. Sa-telah lulus dalam ilmu Undang2 dengan mendapat ijazah LLB, dan sa-lepas mengikuti beberapa kursus di-saberang laut, Baginda telah memegang beberapa jawatan Kerajaan yang penting dalam Negeri dan di-luar Negeri. Sabelom berkhidmat di-luar Negeri, Baginda pernah juga memegang jawatan Penolong Pegawai Daerah, Parit, Perak, Penolong Setia Usaha Kerajaan di-Ipoh, Perak dan Pegawai Daerah, Tampin.

Di-antara jawatan2 di-luar Negeri yang di-pegang oleh Baginda termasuk-lah menjadi Kuasa Usaha Tanah Melayu di-Washington, Amerika Sharikat; Setia

Usaha Pertama Surohanjaya Tetap Persekutuan Tanah Melayu ka-Bangsa2 Bersatu; Setia Usaha Pertama di-Pesurohjaya Tinggi, London; Timbalan Pesurohjaya Tinggi di-London; Duta Malaysia di-Republik Arab Bersatu, Cairo dan sabagai Pesurohjaya Malaysia ka-Nigeria dan Ghana. Pada 18hb. April, 1967 Baginda telah di-pilih menjadi Yang di-Pertuan Besar, Negeri Sembilan.

Baginda ada-lah sa-orang Raja yang sangat chenderong dalam lapangan soka. Baginda pernah menjadi Johan Tennis, Badminton dan Squash Racket semasa Baginda menuntut di-Maktab Melayu, Kuala Kangsar, Perak dan di-Nottingham Universiti. Baginda juga telah mewakili Negeri Perak dalam permainan Tennis dan Cricket dan pernah menjadi Naib Yang di-Pertua Persatuan Bola Sepak Melayu, Malaya; Yang di-Pertua Persatuan Bola Sepak, Cricket dan Hockey Melayu, Perak dan Yang di-Pertua Pelajaran Orang Dewasa, Perak.

Baginda telah berkahwin dengan Tunku Najihah binti Tunku Besar Burhanuddin dalam bulan Ogos, 1943 dan beroleh tiga orang putra dan tiga orang putri.